

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 NOVEMBER 2016

Abdullah terima Anugerah Tokoh GPMS Terbilang Sepanjang Zaman

UM - 28/11/2016

KUALA LUMPUR 27 Nov. - Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi menerima Anugerah Tokoh Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Terbilang Sepanjang Zaman hari ini.

Anugerah itu disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam majlis perasmian Persidangan Agung Tahunan GPMS Ke-62 di Auditorium Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini.

Abdullah yang pernah menjadi Presiden GPMS mulai 1962

hingga 1964 menerima anugerah tersebut bagi menghargai jasa dan sumbangan beliau terhadap pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tersebut.

Terdahulu, Najib dalam ucapannya menyifatkan Abdullah sebagai seorang tokoh yang seharusnya dijadikan teladan oleh generasi muda.

“Abdullah merupakan seorang negarawan yang perlu dicontohi dan selepas bersara, beliau menjadi pemimpin yang disanjung,” katanya.